

01/07/2003

Chan angkat sumpah Menteri Pengangkutan

KUALA LUMPUR: Timbalan Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy, semalam mengangkat sumpah sebagai Menteri Pengangkutan yang baru di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, di Istana Negara.

Pada majlis yang sama, Datuk Fu Ah Kiow dan Datuk Donald Lim Siang Chai masing-masing mengangkat sumpah sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Timbalan Menteri Penerangan.

Fu menggantikan Datuk Dr Ng Yen Yen yang berpindah ke Kementerian Kewangan bagi menggantikan Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Fu sebelum ini memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, manakala Lim memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan.

Pada istiadat itu, ketiga-tiga mereka turut mengangkat sumpah taat setia serta menyimpan rahsia.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri Kabinet. Ia disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.

Istiadat mengangkat sumpah itu dilakukan berikutan penyusunan Kabinet yang diumumkan oleh Dr Mahathir pada 24 Jun lalu, ekoran peletakan jawatan

Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pada 28 Mei.

Sementara itu, Chan ketika ditemui di Putrajaya berkata beliau akan menemui Dr Ling dalam tempoh terdekat ini bagi mendapatkan nasihat serta pengalaman 17 tahun bekas Presiden MCA itu mengetuai kementerian itu.

Beliau berkata, perkara pertama yang dilakukannya sebaik diberi tanggungjawab menerajui Kementerian Pengangkutan ialah mengatur pertemuan dengan Dr Ling.

"Saya telah menghubungi Dr Ling menerusi Datin Ena (isteri Dr Ling, Datin Seri Ena Ling). Pertemuan sedang diatur. Saya harap kami boleh berjumpa dalam minggu ini.

"Pertemuan ini penting bagi saya kerana Dr Ling banyak pengalaman dan saya mahu mendapatkan nasihat beliau," katanya ketika ditemui pemberita sebelum meninggalkan Pejabat Timbalan Menteri Kewangan di Kementerian Kewangan di sini.

Beliau memulakan tugas di Kementerian Pengangkutan semalam selepas dilantik Menteri Pengangkutan menggantikan Dr Ling yang meletak jawatan itu, 28 Mei lalu.